



Iowa State University Tingkat Kerjasama Sedia Terjalin Melalui MoU Dengan UPM



Prof. Dr. Abu Bakar Salleh bertukar dokumen MoU dengan Dr. Gregory L. Geoffroy.

SERDANG, 12 Nov – Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Iowa State University (ISU) untuk meningkatkan kerjasama sedia terjalin dalam bidang penyelidikan, pertukaran pelajar dan pembelajaran.

Perjanjian lima tahun tersebut turut meliputi bidang kerjasama pentadbiran dan pengukuhan program sedia ada.

UPM diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Abu Bakar Salleh dan ISU diwakili oleh Presidennya, Prof. Dr. Gregory L. Geoffroy dengan disaksikan Pengarah Institut Gerontologi UPM, Prof. Madya Dr. Tengku Aizan Hamid dan Assoc Prof. of Marketing, College of Business ISU, Dr. John Kong Fah Wang.

Kerjasama MoU yang bakal diterajui oleh Institut Gerontologi UPM itu bakal mengukuhkan kerjasama yang telah dilaksanakan antara kedua universiti sejak beberapa tahun dulu.

Iowa State University dan delegasinya dalam rangka lawatan ke UPM untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dan menyampaikan seminar yang bertajuk The State of Biotechnology Research at IOWA State University.

Presiden ISU, Dr. Gregory L. Geoffroy berkata beliau akan merasmikan chapter alumni ISU-Malaysia dalam menggalakkan alumni ISU berhubung dengan universiti tersebut.

Seramai 71 alumni ISU-Malaysia aktif berhubung dengan 16 orangnya daripada UPM.

ISU merupakan universiti yang terkenal dalam bidang penyelidikan di Amerika dan tergolong dalam 50 universiti terbaik di dunia, mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian, perubatan veterinar, landskap, rekabentuk dan senibina, perniagaan dan ekonomi, sains kemanusiaan dan kejuruteraan.

Aktiviti UPM-ISU yang telah dilaksanakan ialah program lawatan pensyarah ke College of Human Science, ISU pada 2007, program pertukaran pelajar College of Human Science, ISU dengan Fakulti Ekologi UPM, program summer visitation oleh pelajar ISU ke Fakulti Rekabentuk dan Senibina sejak tahun 1996 dan kerjasama penyelidikan dan penerbitan.



Dr. Gregory L. Geoffroy menyampaikan seminar kepada pegawai dan staf UPM.

Disediakan oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat UPM.